

→ EKSKLUSIF

Lepasan KV tanpa SPM tak layak ikuti program ijazah

→ Graduan diploma vokasional perlu ikuti kursus peralihan

BERITA HARIAN (EKSKLUSIF) 6 JAN 2017 n/s 8

Oleh Basir Zahrom,
Meor Ahmad Nasriin Rizal
Ishak, Siti Sarah Aina
dan Siti Syahirah Suhaimi
upen@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Pelajar lepasan Kolej Vokasional (KV) tidak layak melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda meskipun mempunyai Diploma Vokasional Malaysia (DVM) kerana universiti awam (UA) tidak mengiktiraf diploma terbabit.

Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) menetapkan antara syarat kelayakan untuk memasuki program ijazah sarjana muda ialah mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), namun graduan DVM tidak menduduki peperiksaan itu.

Pelajar terbabit memasuki KV

menggunakan keputusan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan mengikuti kursus kemahiran itu selama empat tahun tanpa perlu menduduki SPM untuk memperolehi DVM.

Tak layak kerja di sektor awam

Isu timbul berikutan kekusaran ibu bapa pelajar KV mengenai masa depan anak mereka selepas tamat pengajian DVM kerana mereka juga tidak layak untuk bekerja di sektor awam atas alasan sama, iaitu tidak memiliki SPM.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Datuk Dr Rosli Mohd Yunus, berkata MTUN hanya bersedia menerima graduan DVM bagi mengikuti program teknologi kejuruteraan dengan syarat mereka mengikuti kursus peralihan sela-



Pelajar lepasan kolej vokasional berdepan masalah melanjutkan pengajian.



MTUN hanya bersedia menerima graduan DVM bagi mengikuti program teknologi kejuruteraan dengan syarat mereka mengikuti kursus peralihan selama satu atau dua semester di empat universiti MTUN ”

Rosli Mohd Yunus,
Timbalan Naib
Canselor (Akademik dan
Antarabangsa) UMP

ma satu atau dua semester di empat universiti MTUN.

“Kursus peralihan ini memerlukan graduan DVM mengambil beberapa mata pelajaran teras, iaitu Sains dan Matematik bagi mempersiapkan mereka mengikuti program peringkat ijazah sarjana muda teknologi kejuruteraan.

Tumpu subjek kemahiran

“Subjek ini penting kerana ketika di KV pelajar terbabit tidak menduduki SPM, sebaliknya lebih memberikan tumpuan kepada subjek kemahiran, namun saya menjangkakan hanya sekitar 10 peratus pelajar yang berminat untuk mengikuti kursus peralihan ini,” katanya kepada BH di sini, semalam.

Pelajar KV mengikuti pengajian selama empat tahun dengan me-

ngambil Sijil Vokasional Malaysia (SVM) pada tahun kedua sebelum menduduki DVM pada tahun terakhir.

Bagaimanapun, Rosli berpendapat graduan DVM wajar diberi peluang yang lebih luas untuk terus melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana muda di universiti MTUN.

“MTUN perlu memikirkan program atau bidang baharu dengan menawarkan ijazah sarjana muda profesional untuk lepasan KV berdasarkan minat dan kemahiran mereka, bukan hanya bergantung kepada teori semata-mata.

“Kita akan bekerjasama dengan agensi kompetensi antarabangsa untuk mendapatkan pengiktirafan profesional dalam bidang ini selain berbincang dengan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi mendapat pengiktirafan pada masa hadapan,” katanya.

[FOTO HIASAN]